



ADVISORY NOTE NO. 4/2025

PENGUKUHAN PENDEKATAN PEMBANGUNAN DAN PEMUDAHCARA JAMINAN KUALITI PENDIDIKAN TINGGI

PENDAHULUAN

1. Kematangan sistem jaminan kualiti Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) di Malaysia memerlukan anjakan paradigma terhadap pendekatan proses penilaian jaminan kualiti berteraskan pengukuhan autonomi dan akauntabiliti PPT.
2. *Advisory Note* ini bertujuan untuk memperjelaskan pendekatan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi berasaskan prinsip yang menyokong kepelbagaian, fleksibiliti, inovasi dan autonomi PPT tanpa menjejaskan prinsip asas jaminan kualiti.
3. Pendekatan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi berasaskan prinsip yang akan dilaksanakan ini memerlukan sinergi yang utuh antara jaminan kualiti dalaman (Internal Quality Assurance, IQA) PPT dan jaminan kualiti luaran (External Quality Assurance, EQA) bagi melestarikan budaya kualiti yang mapan.
4. PPT merujuk kepada Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTs), Politeknik dan Kolej Komuniti. PPT juga merangkumi Institusi Pendidikan Tinggi/ Latihan Awam lain yang programnya telah diakredit oleh MQA.

PENDEKATAN JAMINAN KUALITI

5. MQA telah melaksanakan model Akreditasi yang bercirikan adunan tiga pendekatan seperti berikut:

a. Pendekatan Berasaskan Prinsip

Pendekatan ini berpandukan aspirasi kualiti umum seperti yang digariskan dalam dokumen utama iaitu Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF), Kod Amalan Akreditasi Program (COPPA), dan Kod Amalan Audit Institusi (COPIA). Prinsip-prinsip utama seperti pembelajaran berpusatkan pelajar, pendidikan berasaskan hasil, penekanan terhadap kualiti secara menyeluruh,

dan pembelajaran sepanjang hayat menjadi panduan kepada PPT dalam mencapai standard kualiti.

Sebagai contoh:

4.1.4 The department must have adequate and qualified academic staff responsible for implementing the programme. (COPPA 2nd Edition)

b. Pendekatan Berasaskan Pematuhan

Pendekatan ini adalah merujuk kepada proses jaminan kualiti melalui pematuhan PPT terhadap dasar sedia ada yang berkuat kuasa.

Sebagai contoh:

PPT yang ingin menawarkan program kerjasama di tahap Sarjana (Tahap 7, MQF) perlu mempunyai pengalaman menjalankan program kerjasama di tahap Ijazah Sarjana Muda (Tahap 6, MQF) atau setara dengannya dalam bidang yang sama dan telah mendapat akreditasi penuh daripada badan pengiktirafan yang diperakui.

[Dasar Kerjasama Kursus Pengajian di Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) (Pindaan Tahun 2024)]

c. Pendekatan Berasaskan Risiko

Pendekatan ini mengiktiraf kepelbagaian dan realiti kontekstual PPT atau bidang pengajian. Ia menuntut kebijaksanaan dan profesionalisme panel penilai dalam menilai kecukupan, kesesuaian dan keberkesanan intervensi kualiti berdasarkan konteks PPT masing-masing secara fleksibel tanpa menjejaskan prinsip dan disiplin kualiti yang kukuh.

Sebagai contoh:

ii. A continuous curriculum review should be conducted at least once every two to five years or after the first cohort is completed. (Programme Standards: Accounting, Second Edition)

6. Kekuatan model ini terletak pada keupayaan mengintegrasikan prinsip, pematuhan, dan sensitiviti kontekstual bagi mencapai keseimbangan antara akauntabiliti, inovasi dan autonomi PPT.

JUSTIFIKASI PENALAAAN SEMULA PARADIGMA JAMINAN KUALITI BERASASKAN PRINSIP

7. Kepelbagaian PPT, perubahan demografi pelajar, serta penyampaian pengajaran secara digital dan modular memerlukan pendekatan yang lebih progresif dan kontekstual. Justeru itu, penilaian berasaskan prinsip dalam sistem Jaminan Kualiti MQA perlu dilaksanakan melalui pendekatan berikut:
 - a. **Standard Kualiti Berasaskan Konteks**

Standard kualiti sedia ada tidak lagi berfungsi sebagai senarai semak pematuhan. Ia berperanan sebagai parameter timbang tara yang menyokong penilaian berdasarkan konteks serta mendorong keputusan yang lebih fleksibel dan menyokong kepelbagaian dan inovasi.
 - b. **Ketelusan Maklumat oleh PPT**

PPT perlu mengemukakan maklumat yang telus dalam setiap permohonan. PPT diberi ruang dengan mengemukakan justifikasi untuk menjelaskan bagaimana mereka memenuhi kriteria/ standard melalui bukti dan naratif yang relevan.
 - c. **Penilai Sebagai Penimbang Tara Profesional**

Penilai perlu melaksanakan triangulasi menyeluruh berdasarkan dokumen, lawatan fizikal, dan verifikasi pihak ketiga bagi menilai risiko kualiti dan keperluan intervensi. Mereka juga berperanan memberikan tafsiran, nasihat dan bimbingan profesional.
 - d. **Peranan MQA sebagai Moderator Ketekalan Penilaian**

MQA akan terus melaksanakan moderasi terhadap laporan penilaian bagi memastikan konsistensi, keadilan dan penjajaran dengan prinsip kualiti yang tertentu.
8. Secara keseluruhannya, semua pihak yang terlibat memainkan peranan penting dalam mengurus proses jaminan kualiti secara proaktif agar dapat mengatasi sebarang kekeliruan demi memastikan ketekalan, ketelusan dan kredibiliti.

TINDAKAN PENGUKUHAN JAMINAN KUALITI OLEH PEMBERI PENDIDIKAN TINGGI (PPT)

9. Dalam melaksanakan pendekatan penilaian berasaskan prinsip dalam jaminan kualiti, terdapat beberapa tindakan yang perlu diambil oleh semua Pemberi Pendidikan Tinggi:
 - a. **Memastikan Pematuhan terhadap Ketetapan MQF dan Kod Amalan dengan menggunakan Standard/ Standard Program sebagai Panduan**
PPT perlu memastikan keperluan memenuhi prinsip-prinsip jaminan kualiti yang digariskan oleh MQF, COPIA, COPPA, COPPA:ODL dan COPTPA. PPT boleh menggunakan Standard dan Standard Program sebagai panduan untuk memenuhi prinsip kualiti tersebut. PPT perlu mengemukakan justifikasi yang kukuh bagi sebarang isu pematuhan kepada sesuatu ketetapan dalam Standard dan Standard Program. MQA akan mempertimbangkan justifikasi sebarang ketidakpatuhan dan intervensi dengan sewajarnya berasaskan prinsip kualiti yang berkaitan.
 - b. **Mengukuhkan Peranan IQA di PPT**
PPT perlu memperkukuhkan peranan jaminan kualiti dalaman (IQA) supaya penghayatan terhadap prinsip kualiti dilaksanakan secara terancang dan teratur (by design).
 - c. **Membudayakan Penambahbaikan Kualiti secara Berterusan**
PPT perlu membudayakan pematuhan kepada MQF, COPIA, COPPA, COPPA:ODL dan COPTPA dalam konteks penambahbaikan berterusan, dan bukan sekadar hanya bertujuan untuk memenuhi keperluan penilaian akreditasi. Bagi memenuhi aspirasi tersebut, pemahaman kepada prinsip-prinsip kualiti perlu difahami oleh warga PPT melalui latihan yang berterusan dan berstruktur.

TUNTUTAN KUALITI TANPA KOMPROMI BAGI ASPEK KESELAMATAN YANG BOLEH MENGUNDANG KEMUDARATAN SERIUS

10. Walaupun pendekatan ini memberikan lebih fleksibiliti, namun ketidakpatuhan terhadap perkara-perkara berkaitan aspek keselamatan (contohnya fasiliti dan peralatan) dan kompetensi staf adalah antara perkara yang tidak boleh dikompromi. Keperluan ini penting bagi melindungi pelajar dan kakitangan dan memelihara kesejahteraan mereka.
11. Sebarang keputusan penolakan akan dibuat berdasarkan ketidakterimaan terhadap kecacatan atau kerosakan kualiti yang serius dan tidak dapat diperbaiki, demi menjaga kepentingan pelajar semasa dan akan datang.

PENUTUP

12. *Advisory Note* berkenaan pendekatan sistem jaminan kualiti pendidikan tinggi berasaskan prinsip ini merupakan satu langkah strategik ke arah sistem jaminan kualiti yang lebih progresif, bersifat konteks dan berpandangan jauh. Ia memberi ruang kepada PPT untuk berinovasi secara bertanggungjawab, memperkukuh peranan panel penilai, serta menyokong MQA dalam menjamin kualiti pendidikan tinggi negara. Matlamat utamanya ialah untuk membina ekosistem pendidikan tinggi yang berdaya saing, adaptif dan berteraskan kualiti, dengan berpaksikan nilai-nilai utama kecemerlangan, keadilan dan penambahbaikan berterusan.

Sebarang pertanyaan lanjut boleh dibuat melalui Sistem Pengurusan Pertanyaan dan Aduan di www2.mqa.gov.my/sppa/.

AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
12 Ogos 2025